

# Emas lompat kijang milik Muhammad Hakimi

**Palembang:** Pemegang rekod kebangsaan lompat kijang, Muhammad Hakimi Ismail mengesahkan statusnya sebagai antara atlet terbaik dalam acara itu apabila meraih emas dengan catatan 16.28 meter di Stadium Olahraga Jakabaring, semalam.

Emas berkenaan juga adalah yang kedua miliknya dalam Sukan Universiti ASEAN (AUG) sejak melakukannya lompatan ke-

dua terbaik tahun ini selepas 16.41m pada Kejohanan Kebangsaan di Perlis baru-baru ini.

Hakimi berkata, dia sebenarnya tidak menjangka akan menang kerana lawannya dari Thailand, Kongnil Varunyoo juga memperlihatkan aksi baik dalam saingan berkenaan.

Hakimi yang sebelum ini berkedudukan keenam Sukan Asia di Incheon berkata, Kongnil yang berkedudukan keem-

pat pada Sukan SEA Myanmar sudah banyak meningkat sejak kebelakangan ini.

## Tiada tandingan

“Sedikit tuah menyebelahi saya, lompatan saya juga hanya kurang 16 sentimeter daripada rekod kebangsaan 16.44m,” kata pelajar Universiti Putra Malaysia itu.

Kejayaan Hakimi diteruskan Adi Alifuddin Hussin yang se-

perti dijangka tiada tandingan dalam acara lontar peluru.

Dia melakukan lontaran sejauh 16.60m untuk mengatasi atlet Thailand, Khachin Thawat (16.37m) dan rakan se-negara Mohd Alif Hanif Mohd Afandi (16.37m) yang masing-masing meraih perak dan gangsa.

Sementara itu, Raja Nursheena Raja Azhar turut memungut perak dalam acara 100m berpagar wanita manakala dua lagi perak menerusi acara 4x400m lelaki dan wanita.

Secara keseluruhan Malaysia meraih tujuh emas, tujuh perak dan sembilan gangsa sepanjang empat hari pertandingan padang dan balapan yang berakhir semalam.